

21/11/1997

Tiga wakil kita masih berpeluang

Norbakti Alias

SEMUANYA belum berakhir buat pemain negara apabila tiga wakil - dua perseorangan dan satu beregu - masih berpeluang mencuri tiket-tiket terakhir ke pusingan akhir badminton Grand Prix (GP) Dunia, bulan depan.

Ketika segalanya nampak tertutup buat pemain negara, ranking dunia terbaru memberi angin kedua buat Ong Ewe Hock, Yong Hock Kin dan pasangan elit, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock, untuk hadir di Jakarta pada 10-14 Disember ini.

Antara mereka, Ewe Hock yang berada di tangga ke-15, boleh dikatakan sudah mengesahkan tempatnya manakala Hock Kin, tiga tangga di belakangnya, perlu mengharap sedikit tuah.

Tanpa menyertai Terbuka Vietnam yang sedang berlangsung, kedudukan Ewe Hock hanya boleh digugat oleh bekas juara Olimpik, Alan Budi Kusuma dan Chen Gang, yang masing-masing menduduki tempat ke-17 dan 21 manakala sebarang perubahan mata oleh pemain-pemain di atasnya, tidak akan menjejaskan tempatnya.

Sebaliknya, peluang Hock Kin lebih sukar. Laluan terbaiknya ialah menerusi 'tiket simpati' dengan menjadi calon pengganti andainya ada penarikan diri mana-mana pemain dari kelompok 16 terbaik dunia yang layak ke GP itu.

Bagi Soon Kit-Kim Hock, mereka kini hanya berdepan satu lagi halangan untuk menepati sasaran itu apabila mara ke suku akhir Terbuka Vietnam semalam sesudah menewaskan Patrick Lau-Zhao Jinhua 15-10, 15-8 dalam pusingan kedua.

Hari ini, Soon Kit-Kim Hock akan menentang pasangan China, Luo Yigang-Chen Gang yang menundukkan Jesper Larsen-Martin Lundgaard dari Denmark 15-9, 5-15, 15-9.

Sebelum ini, Mahathir Mustaffa tersingkir apabila kalah di tangan Kenneth Jonassen dari Denmark 1-15, 18-17, 5-15 dalam pusingan ketiga sesudah cabaran Tan Kim Her-Norashikin Amin dan Woon Sze Mei turut tersekat dalam pusingan awal.

Kemaraan ke pusingan ketiga Terbuka Thailand minggu lalu membolehkan Soon Kit-Kim Hock naik ke tangga ke-10 berbanding 13 sebelum itu. Kemaraan ke separuh akhir minggu ini pula membolehkan mereka untuk sekurang-kurangnya memintas beregu nombor lapan dunia, Hermono-Eng Hian dari Indonesia.

Pasangan negara mengumpulkan 235.81 mata, hanya ketinggalan 5.65 mata daripada beregu Indonesia itu. Hermono-Eng Hian bersama rakan senegara mereka, Tony Gunawan-Victo Wibowo yang menduduki tangga kesembilan, tidak menyertai Terbuka Vietnam.

(END)